

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27/08/2017E

Tuntut RCI Memali tiada kaitan PRU

UM - 27/8/2017 pg. 14

ARAU 26 Ogos - Pas telah lama menuntut agar satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) diadakan bagi menyasihat semula tragedi berdarah Memali yang berlaku lebih 30 tahun lalu dan perkara itu tiada kaitan dengan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

Ketua Penerangan Pas, Nasrudin Hassan berkata, isu itu telah pun dibangkitkan oleh parti tersebut di sepanjang enam edisi pilihan raya umum sejak 1985 sehingga 2013.

Katanya, isu tersebut kembali menjadi panas selepas kegagalan Tun Dr. Mahathir Mohamad menjawab soalan berkaitan isu Memali semasa program *Nothing To Hide 2.0*, baru-baru ini.

"Walaupun Pas hanya mengulas berdasarkan program *Nothing To Hide 2.0* tetapi kita telah menuntut agar satu siasatan telus dijalankan.

"Kita menolak pembentangan kertas putih di Parlimen berkaitan isu Memali, disebabkan ia disediakan oleh pihak kerajaan (di bawah pimpinan Dr. Mahathir) yang terlibat dalam insiden itu.

"Maka sebab itu, Pas sudah memutuskan agar RCI Memali ini disegerakan penubuhannya. Kita harap tiada pihak yang kelam-kabut kerana mengatakan siasatan ini (kononnya) akan kena pada 'batang hidung' Pas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan ceramah umum 'Pilihan Raya - Penjelasan Isu-Isu Semasa' di Balai Islam Madrasah Addiniah Al-Islamiah (MADI) Jejawi di sini semalam.

Menurut Nasrudin, Pas mempunyai saksi hidup, bahan bukti yang disimpan sekian lama, pengakuan pihak terlibat termasuk polis dan ahli politik berkaitan tragedi Memali.

"Kita harap RCI itu nanti akan mendengar bukti-bukti ini untuk mencari keadilan," katanya.

Beliau turut menyelar PAN yang bersikap hipokripsi politik apabila cuba melupakan isu tersebut sebaik sahaja keluar daripada Pas.

"Sedangkan sebelum ini, merekalah yang menjadi penggerak agar siasatan telus dijalankan dalam isu Memali ini," katanya.